

# Modul penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi bantu bentuk akhlak pelajar

23 Ogos 2023 09:06am **Masa membaca: 2 minit**



Laporan Sinar Harian pada 19 Ogos lepas. (Gambar kecil: Abdul Rahman)

KUANTAN - Pelaksanaan modul penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di sekolah dilihat dapat membantu pembentukan akhlak generasi muda Islam yang lebih baik.

Mufti Pahang, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman berkata, hadis tersebut perlu diketahui dan dipelajari umat Islam kerana ia mencakupi perihal dalam kehidupan.

"Hal-hal ibadah, adab, pergaulan dan sebagainya disentuh dalam hadis berkenaan...kelazimannya mereka yang dewasa yang mempelajarinya dan elok sangat jika diberikan pendedahan daripada usia muda," katanya kepada Bernama di sini pada Rabu.

Kementerian Pendidikan (KPM) pada Sabtu lepas melancarkan modul tersebut bertujuan memupuk penghayatan hadis bermula di peringkat sekolah lagi.

Ia akan mula dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), sebelum diedarkan ke sekolah-sekolah di bawah KPM tahun depan.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Bukit Piatu, Bentong, Amir Rozaini Ahmad Rani berkata, penerapan asas kefahaman agama menerusi modul itu dapat membentuk akhlak anak muda selari dengan ajaran agama Islam, apatah lagi dengan pengaruh Internet dan media sosial pada masa ini.

"Penerapan nasihat yang baik menerusi penghayatan hadis itu boleh membantu membentuk akhlak. Oleh itu, penting untuk dipastikan penjelasan yang dibuat adalah menggunakan bahasa mudah, bukan bahasa yang agak tinggi supaya mesaj dapat difahami terus golongan muda," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Islam Pahang, Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Prof Madya Datuk Dr Mohd Zawawi Zainal Abidin berkata, langkah proaktif tersebut dilihat sebagai usaha kerajaan memartabatkan bidang hadis terutama dalam kalangan generasi muda.

"Inisiatif ini sangat bagus kerana kadang-kadang kurang pendedahan diberikan berkaitan hadis sedangkan ia merupakan rujukan kedua selepas al-Quran.

"Kami sentiasa menyokong dan sedia membantu apa sahaja berkaitan hadis sekiranya diperlukan kelak kerana ia selari dengan fokus universiti untuk memperkasakan bidang hadis," katanya. - Bernama